

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ Bukit Gantang ]**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran terperinci nama setiap GLC dan jumlah zakat yang dikeluarkan sejak 2005 hingga 2013.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan mengenai perkara-perkara berkenaan di negeri-negeri. Di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan agensi yang menguruskan dana zakat. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) manakala agihan zakat dilaksanakan oleh MAIWP melalui Bahagian Baitulmal.

Sejak tahun 2005 hingga 2013, jumlah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang telah mengeluarkan zakat kepada PPZ-MAIWP adalah sebanyak 33 institusi dengan jumlah keseluruhan RM121.46 juta.

Suka saya jelaskan, bahawa GLC tidak terikat untuk membayar zakat perniagaan di Wilayah Persekutuan sahaja tetapi boleh membayar zakat di negeri-negeri lain, di mana terdapat GLC yang membayar zakat di beberapa negeri mengikut keutamaan operasi GLC tersebut di negeri-negeri yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan berapakah jumlah pinjaman berlesen yang diluluskan oleh Kementerian dan jumlah yang dibatalkan sehingga tahun 2013 mengikut negeri-negeri.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga **30 Oktober 2014**, terdapat sejumlah **3,266** Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang dilesenkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 [Akta 400]. Pecahan bilangan PPW berlesen yang aktif mengikut negeri bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual A**.

Manakala bagi lesen pemberi pinjam wang yang dibatalkan sehingga tahun 2013 adalah sebanyak **27** lesen. Perincian lesen PPW yang dibatalkan mengikut negeri adalah dalam **Jadual B**.

**Jadual A: Bilangan PPW Berlesen Aktif Mengikut Negeri Bagi Tahun 2013 dan 2014**

NEGERI	PEMEGANG LESEN	
	2013	2014*
Perlis	8	9
Kedah	138	134
Pulau Pinang	326	320
Perak	269	259
Selangor	615	611
Negeri Sembilan	119	116
Melaka	95	97
Johor	283	284
Pahang	94	96
Terengganu	25	25
Kelantan	13	13
Sabah	417	442
Sarawak	381	441
WP. Kuala Lumpur	433	437
WP. Labuan	5	5
WP. Putrajaya	2	2
<b>JUMLAH</b>	<b>3,223</b>	<b>3,291</b>

\*sehingga Oktober 2014

**Jadual B: Bilangan Lesen PPW yang Dibatalkan (Sehingga 2013)**

<b>NEGERI</b>	<b>2013</b>
Perlis	1
Kedah	2
Pulau Pinang	3
Perak	5
Selangor	4
Negeri Sembilan	3
Melaka	3
Johor	2
Pahang	1
Terengganu	-
Kelantan	1
Sabah	-
Sarawak	-
WP. Kuala Lumpur	2
WP. Labuan	-
WP. Putrajaya	-
<b>JUMLAH</b>	<b>27</b>

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
November 2014